

# Razaleigh harapkan tiga lagi pencalonan

BH - 9 APR 2000

**KUALA LUMPUR:** Tengku Razaleigh Hamzah terpaksa menunggu sehingga hari ini untuk mengetahui sama ada beliau melepasi kelayakan bertanding jawatan Naib Presiden dalam pemilihan pucuk pimpinan Umno bulan depan.

Sehingga semalam, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu sudah mengumpul 14 pencalonan dan memerlukan cuma tiga lagi pencalonan bagi melayakkannya bersaing merebut jawatan hirarki ketiga dalam kepimpinan parti itu.

Hari ini, enam bahagian terakhir di Pahang iaitu Jerantut, Raub, Pekan, Bentong, Temerloh dan Mentakab mengadakan mesyuarat. Bahagian terakhir yang bermesyuarat ialah Bandar Tun Razak pada Jumaat ini, bagi melengkapkan kesemua

165 bahagian selesai mengadakan mesyuarat sebelum perhimpunan agung 11 Mei ini.

Semalam, Tengku Razaleigh memperolehi satu lagi pencalonan iaitu dari bahagian Maran. Hanya dua bahagian termasuk Rompin mengadakan mesyuarat semalam dan kedua-dua bahagian mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden.

Dr Mahathir kini sudah mengumpul 156 pencalonan manakala Abdullah, 155. Keduanya sudah memenangi jawatan tertinggi itu tanpa bertanding selepas memperoleh lebih 70 dan 80 peratus pencalonan daripada 165 bahagian.

Selain Tengku Razaleigh, bahagian Maran turut mencalonkan dua penyandang naib

presiden iaitu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Bahagian Rompin pula mencalonkan Najib; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar bagi jawatan Naib Presiden.

Pada mesyuarat bahagian Maran, pengundian secara sulit diadakan bagi memilih dua lagi calon Naib Presiden apabila sembilan nama dikemukakan setelah perwakilan sebulat suara memilih Najib. Pengundian itu dimenangi oleh Muhammad dan Tengku Razaleigh.

Semua bahagian di Pahang sepatutnya mengadakan mesyuarat bulan lalu tetapi sembilan ditangguhkan berikutan pilihan raya kecil Dewan Undangan

Negeri Sanggang pada 1 April.

Sementara itu, semua 165 mesyuarat perwakilan Pemuda Umno bahagian hampir selesai dengan empat bahagian di Pahang mengadakan mesyuarat semalam iaitu bahagian Jerantut, Temerloh dan Raub. Bagaimanapun, Pemuda bahagian Mentakab mengadakan mesyuaratnya malam tadi dan keputusannya belum diperolehi.

Pemuda Umno bahagian Jerantut, Temerloh dan Raub semalam mencalonkan Datuk Hishamuddin Tun Hussein untuk jawatan Ketua Pemuda Umno manakala Ketua Pemuda Umno Pahang, Mohd Mustapha Mohd Khalid pula dicalonkan bagi jawatan Naib Ketua Pemuda.

Wanita Umno bahagian Temerloh pula mencalonkan Datuk Dr Siti Zaharah dan Datuk Napsiah Omar bagi

mempertahankan jawatan ketua dan naib ketua masing-masing. Dengan itu juga, Napsiah melepasi kelayakan untuk bertanding dengan memperolehi 25 pencalonan.

Sementara itu, Pengerusi Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Suleiman Mohammed berkata mesyuarat Umno bahagian Bandar Tun Razak diadakan Jumaat depan selepas ditangguhkan Ahad lalu berikutan bantahan enam cawangan yang dibatalkan pendaftarannya.

Menurutnya, masalah itu selesai setelah pertemuan dengan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin.